

Jurnal

PEMIKIRAN DAN KEPIMPINAN MELAYU

2013



©Institut Pemikiran Dan Kepimpinan Melayu

Hakcipta terpelihara

Tidak dibenarkan mengulang dalam apa-apa jua bentuk dan dengan apa juga cara baik secara elektronik, fotostat, mekanik, rakaman atau lain-lain, mana-mana bahagian kandungan penerbitan ini sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Pengarah, Institut Pemikiran dan Kepimpinan Melayu (IMPAK), Universiti Teknologi MARA, Blok 11, Aras 3, Intekma Resort & Convention Centre, 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia – Data Pengkatalogan – dalam – Penerbitan

Jurnal Pemikiran Dan Kepimpinan Melayu 2013.

Diterbitkan di Malaysia oleh:

Institut Pemikiran Dan Kepimpinan Melayu

Blok 11, Aras 3, Intekma Resort & Convention Centre,

40450 Shah Alam,

Selangor Darul Ehsan Malaysia.

Tel: 03-5522 5448 / 5515

Fax: 03-5522 5489

e-mail: impakuitm@salam.uitm.edu.my

Mengandungi Indeks: ISSN 2289-5744

e-Printed oleh: INSTITUT PEMIKIRAN DAN KEPIMPINAN MELAYU (IMPAK)

Pendapat yang dikemukakan oleh penulis-penulis dalam jurnal ini adalah pandangan peribadi mereka dan tidak semestinya mewakili pandangan Insitut Pemikiran dan Kepimpinan Melayu (IMPAK) dan UiTM. Sebarang ulasan, kemusykilan dan pertanyaan tentang artikel-artikel yang diterbitkan hendaklah dikemukakan kepada Sidang Editor.

Sidang Editorial

Pengerusi:

Prof. Madya Dr. Mohd Sazili Mohd Shahibi

Editor Perunding :

Y.Bhg Prof. Datuk Hj Abdul Halim Sidek

Y.Bhg Prof. Dr. Kamaruddin Mohd Said

Y.Bhg Prof. Dr. Sohaimi Zakaria

Y.Bhg Datuk Zaini Hassan

Prof. Madya Dr. Mohd Ridhuan Tee Abdullah

En. Zulkifli Ab. Rashid

Ketua Penyelaras Editorial:

Prof. Madya Dr. Ghazali Daimin

Sidang Editor:

Prof. Madya Dr. Muhammad Rozi Malim

Dr. Samsudin Wahab

Prof. Madya Mat @ Muhammad bin Yusoff

Tuan Haji Juwahir Ali

En. Hassan Abdullah

En. Fairul Nazmie bin Osman

Pn. Norhayati Hussin

Grafik:

En. Mohd Husni Mohd Som

En. Hussien Harnis

En. Mohd Hafiz Ab Satar

Isi Kandungan

Tajuk	M/s
<p>Dasar Kepimpinan Najib: Model Transformasi Ke Arah Kesejahteraan Global <i>Samsudin Wahab, Mohd Sazili Shahibi, Juwahir Ali, Hasan Abdullah</i> Institut Pemikiran Dan Kepimpinan Melayu Universiti Teknologi MARA.</p>	3-10
<p>Konsep Satu Malaysia Sebagai Agenda Politik : Perlu Diteruskan Atau Difikir Kembali? <i>Ismail Sualman</i> Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, UiTM.</p>	11-28
<p>Persepsi Terhadap Kredibiliti Maklumat Politik Di Internet Dalam Kalangan Generasi Muda <i>Mohd Sazili Shahibi, Nurhayati Hussin, Hamka Mohd Noor dan Muhammad Saufi Mohd Hanafiah</i> Institut Pemikiran dan Kepimpinan Melayu (IMPAK) Universiti Teknologi MARA (UiTM)</p>	29-35
<p>Indeks Kemampuan Pengurusan PKS Melayu/Bumiputera di Malaysia 2012 <i>Muhammad Rozi Malim, Mohd Sazili Shahibi, Ghazali Daimin</i> Institut Pemikiran dan Kepimpinan Melayu (IMPAK), UiTM.</p>	36-52
<p>Model Integrasi Indeks Utama Prestasi (MIUPA-KPIAs) Agensi Payung Industri Homestay Melayu Malaysia <i>Hasan Abdullah, Samsudin Wahab, Mohd Sazili Shahibi, Muhammad Rozi Malim, dan Juwahir Ali</i> Institut Pemikiran dan Kepimpinan Melayu (IMPAK), UiTM.</p>	53-71
<p>Tahap Keyakinan Diri dan Pencapaian Atlet Bumiputera <i>Vincent A. Parnabas dan Yahaya Mahamood</i> Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi, UiTM. Faculty of College of Art and Science, University Utara Malaysia (UUM)</p>	72-77
<p>Bahasa Melayu Benteng Islam dan Melayu <i>Azman Che Mat</i> Universiti Teknologi MARA</p>	78-82
<p>UiTM dan Destini Melayu <i>Prof Madya Dr Ghazali B. Daimin</i> Fakulti Seni Lukis & Seni Reka (FSSR), UiTM.</p>	83-86
<p>Bangkitlah Wahai Remaja Melayu <i>Leylawati Binti Joremi</i> Fakulti Pengurusan Perniagaan, UiTM.</p>	87-92

TAHAP KEYAKINAN DIRI DAN PENCAPAIAN ATLET BUMIPUTERA

Vincent A. Parnabas¹ dan Yahaya Mahamood²

¹Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi, Universiti Teknologi MARA (UiTM).
vincent@salam.uitm.edu.my

²Faculty of College of Art and Science, University Utara Malaysia (UUM), Malaysia
drymood@uum.edu.my

ABSTRAK

Keyakinan diri adalah melakukan sesuatu tingkah laku dengan jayanya tanpa mempunyai perasaan risau, penilaian positif terhadap diri sendiri, dan mengharap pencapaian yang positif. Pencapaian tinggi atlet dalam sukan banyak bergantung kepada keyakinan. Walaubagaimana pun di Malaysia, belum ada satu kajian ilmiah yang secara khusus mengenal pasti tahap keyakinan diri dan pencapaian bumiputera. Beberapa kajian menunjukkan atlet yang memiliki kemahiran yang berbeza akan menunjukkan tahap keyakinan diri yang berbeza. Justeru itu, kajian ini akan bandingkan pelbagai kategori kemahiran atlet bumiputera iaitu yang mewakili universiti, daerah, negeri dan negara. Kajian ini telah memperolehi sebanyak 87 responden, yang merupakan atlet bumiputera, dari Universiti Teknologi MARA. Soal selidik *Competitive State Anxiety Inventory – 2 (CSAI-2)* digunakan, bagi tujuan untuk mengutip data. Dapatan kajian menunjukkan atlet elit atau yang mewakili negara memiliki tahap keyakinan diri yang lebih tinggi daripada atlet yang mewakili negeri, daerah dan universiti. Dapatan kajian juga menunjukkan atlet bumiputera yang memiliki tahap pencapaian yang tertinggi menunjukkan tahap keyakinan diri yang tertinggi jika dibandingkan dengan atlet yang memiliki tahap pencapaian sederhana atau rendah. Kajian ini bermanfaat bagi jurulatih, kaunselor sukan dan psikologi sukan, untuk membuat program-program yang berkaitan dengan peningkatan keyakinan diri bagi atlet bumiputera yang mengalami tahap keyakinan diri yang rendah supaya boleh memperbaiki pencapaian dalam sukan.

Kata-Kunci: Keyakinan, kemahiran, pencapaian, bumiputera, atlet.

1. LATAR BELAKANG

Ahli-ahli psikologi sukan telah mendefinisikan keyakinan diri sebagai kepercayaan atlet untuk melakukan sesuatu tingkah laku dengan jayanya (Weinberg & Gould, 2010). Selanjutnya, keyakinan diri didefinisikan sebagai ketiadaan risau, penilaian positif terhadap diri sendiri, dan harap pencapaian yang positif (Martens, Vealey & Burton 1990). Atlet yang mempunyai keyakinan diri yang tinggi semasa mengambil bahagian dalam sesuatu pertandingan, biasanya akan percaya bahawa dia akan berjaya dengan bantuan persembahannya yang terbaik (Yahaya, Vincent & Ampofo-Boateng, 2011). Justeru, keyakinan diri adalah kepercayaan atlet yang dia akan berjaya melakukan persembahan yang bersesuaian (Weinberg & Gould, 2010). Atlet yang yakin biasanya tidak gentar hadapi kegagalan, tetap yakin walaupun dalam keadaan genting dan sentiasa berusaha dengan gigih (Brown, 2005). Dengan kata lain, ketabahan mental adalah kuat pada atlet yang mempunyai keyakinan diri untuk menghadapi segala cabaran dalam sukan.

Pencapaian tinggi atlet dalam sukan besar seperti sukan Olimpik banyak bergantung kepada keyakinan untuk menghadapi cabaran (Haberl, 2007). Rasa yakin boleh meningkatkan konsentrasi dan pencapaian, manakala rasa tidak yakin cenderung untuk merendahkan pencapaian dengan

peningkatan tahap kebimbangan, perasaan ragu-ragu dan gangguan konsentrasi (Weinberg & Gould, 2010). Keyakinan diri yang rendah boleh merosotkan pencapaian dalam sukan. Menurut Cashmore (2002), kekalahan pasukan bola sepak Belanda kepada Itali dalam Sukan kejohanan Eropah pada tahun 2000, adalah disebabkan oleh keyakinan diri yang rendah, dan bukanlah kerana kekurangan latihan atau kemampuan. Keyakinan diri yang rendah tersebut telah meningkatkan tahap kebimbangan mereka sehingga kalah dalam pertandingan tersebut.

Di Malaysia, belum ada satu kajian ilmiah pun yang secara khusus mengenal pasti tahap keyakinan diri dan pencapaian dikalangan atlet bumiputera. Dengan demikian tahap keyakinan diri dan pencapaian atlet bumiputera dalam sukan masih kurang jelas.

Atlet yang memiliki kemahiran yang berbeza akan menunjukkan tahap keyakinan diri yang berbeza. Kebanyakan dapatan kajian menunjukkan atlet elit memiliki tahap keyakinan diri yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan atlet yang masih baru atau rendah kemahiran (Hanton, O'Brien & Mellalieu, 2003; Perry & William, 1998; Williams & Krane, 1998)). Kajian keyakinan diri yang dijalankan selama ini di Malaysia hanya fokus kepada kemahiran tertentu tanpa mengkaji secara menyeluruh dari segenap aspek kemahiran. Dengan kata lain kajian keyakinan diri lebih banyak terfokus kepada atlet mahir atau elit sahaja tetapi mengabaikan atlet kurang mahir. Setakat ini boleh dikatakan kajian yang membandingkan atlet bumiputera yang mempunyai tahap kemahiran yang berbeza pun adalah amat kurang. Dengan demikian, kajian ini bukan saja ditumpukan pada atlet bumiputera yang memiliki kemahiran yang tinggi, tetapi juga terhadap mereka yang kurang mahir. Justeru itu, kajian ini akan bandingkan pelbagai kategori kemahiran atlet bumiputera iaitu yang mewakili universiti, daerah, negeri dan negara.

Keyakinan diri atlet boleh mempengaruhi pencapaian. Beberapa kajian menunjukkan bahawa keyakinan diri merupakan faktor utama yang mempengaruhi pencapaian (Martens et al., 1990; Krane & Williams, 1994; Jones & Swain, 1995; Edwards & Hardy, 1996; Wiggins & Brustad, 1996; Hanton & Jones, 1997; Perry & Williams, 1998; Jones & Hanton 2001; Hanton & Connaughton, 2002; Hanton, Mellalieu & Young 2002; Cashmore, 2002; Aufenanger, 2005). Walaubagaimana pun dapatan kajian kajian Kais dan Raudsepp (2005), tidak menyokong bahawa adanya hubungan antara keyakinan diri dan pencapaian. Dengan demikian kajian ini juga akan melihat sejauh mana hubungan antara keyakinan diri dan pencapaian. Apakah atlet bumiputera yang mempunyai keyakinan diri yang tinggi akan menunjukkan pencapaian yang tinggi? Manakala atlet bumiputera yang mempunyai keyakinan diri yang rendah akan menunjukkan pencapaian yang rendah?

2. TUJUAN KAJIAN

Tujuan utama kajian ini adalah untuk membandingkan tahap keyakinan diri dan pencapaian bumiputera dalam kategori kemahiran yang berbeza iaitu yang mewakili negara, negeri, daerah dan universiti.

3. PENSAMPELAN

Kajian ini telah memperolehi sebanyak 87 responden, yang merupakan atlet bumiputera, dari Universiti Teknologi MARA. Dari jumlah tersebut, 19 responden merupakan atlet yang mewakili negara, 25 mewakili negeri, 23 mewakili daerah dan 20 mewakili universiti. Pencapaian tertinggi dalam sukan, samada mewakili negara, negeri, daerah atau universiti, telah dijadikan sebagai perwakilan mereka dalam sukan.

Soal selidik *Competitive State Anxiety Inventory – 2 (CSAI-2)*, yang merangkumi kebimbangan kognitif (9 item), kebimbangan somatik (9 item) dan keyakinan diri (9 item) telah digunakan untuk kutip data.

4. DAPATAN KAJIAN

Kategori Kemahiran

Hasil analisis dengan menggunakan kaedah ANOVA sehala, Jadual 1 menunjukkan bahawa tahap keyakinan diri antara kumpulan-kumpulan dalam kategori kemahiran berbeza pada, $F(3,87) = 12.331$, $k < .01$.

Jadual 1: Ringkasan ANOVA Sehala Terhadap Tahap Keyakinan Diri Mengikut Kategori Kemahiran Atlet Bumiputera

Kategori Kemahiran Atlet Bumiputera	Keyakinan Diri		
	Min	Nilai-F	Nilai-k
Negara	19.2210	12.331**	0.000
Negeri	15.0207		
Daerah	14.0012		
Universiti	12.0050		

** $k < .01$

Ujian *Pos-Hoc* Tukey (Jadual 2) menunjukkan tahap keyakinan diri atlet bumiputera yang mewakili negara, negeri dan daerah lebih tinggi daripada atlet bumiputera perwakilan universiti ($k < .05$). Tahap keyakinan diri atlet bumiputera, yang mewakili negara ($k < .05$) lebih tinggi daripada perwakilan negeri ($k < .05$) dan daerah ($k < .05$). Tahap keyakinan diri atlet perwakilan universiti dan daerah tidak berbeza ($k > .05$).

Jadual 2: Ringkasan Ujian Pos Hoc Tukey : Keyakinan Diri Mengikut Kategori Kemahiran Atlet Bumiputera

Kategori Perwakilan	Negara	Negeri	Daerah	Universiti	N
Negara		(2.001) *	(2.141) *	(2.575) *	19
Negeri			(2.113) *	(2.337) *	25
Daerah					23
Universiti					20

* $k < .05$

Pencapaian Sukan

Hasil analisis dengan ANOVA sehala, dalam Jadual 3 menunjukkan bahawa tahap keyakinan diri antara atlet bumiputera berlainan tahap pencapaian sukan berbeza pada, $F(2,87) = 21.778$, $k < .01$.

Jadual 3: Ringkasan ANOVA Sehala Terhadap Tahap Keyakinan Diri Mengikut Pencapaian Atlet Bumiputera

Pencapaian Atlet Bumiputera	Keyakinan Diri		
	Min	Nilai-F	Nilai-k
Tinggi	27.8085	21.778**	0.000
Sederhana	25.2798		
Rendah	22.7826		

 ** $k < .01$

Ujian *Pos-Hoc* (Jadual 4) menunjukkan atlet berpencapaian rendah mengalami tahap keyakinan diri yang rendah daripada atlet bumiputera berpencapaian tinggi ($k < .05$) dan sederhana ($k < .05$). Manakala atlet bumiputera berpencapaian sederhana mengalami tahap keyakinan diri yang rendah daripada mereka yang berpencapaian tinggi ($k < .05$) tetapi lebih tinggi daripada yang berpencapaian rendah ($k < .05$). Sebaliknya atlet bumiputera berpencapaian tinggi mengalami tahap keyakinan diri yang lebih tinggi daripada atlet berpencapaian sederhana ($k < .05$) dan rendah ($k < .05$).

Jadual 4: Ujian Tukey: Keyakinan Diri dan Pencapaian Atlet Bumiputera

Tahap Pencapaian	Tinggi	Sederhana	Rendah	N
Tinggi		(2.137) *	(4.211) *	44
Sederhana			(2.117) *	28
Rendah				15

 * $k < .05$

5. PERBINCANGAN

Kategori Kemahiran

Terdapat perbezaan yang bererti pada aras keertian 0.01 ($k < 0.01$) dalam tahap keyakinan diri antara kumpulan-kumpulan kategori kemahiran yang berbeza terhadap atlet bumiputera. Dapatan kajian menunjukkan atlet bumiputera elit atau yang mewakili negara memiliki tahap keyakinan diri yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan atlet bumiputera yang masih baru atau belum lagi menguasai kemahiran. Atlet bumiputera yang mewakili negara mempunyai tahap keyakinan diri tertinggi (19.2210), manakala atlet bumiputera yang mewakili universiti mempunyai tahap keyakinan diri terendah (12.0050). Dapatan kajian ini mendapat sokongan dari banyak kajian bahawa atlet elit memiliki keyakinan diri yang tinggi (Hanton, O'Brien & Mellalieu, 2003; Claudio & Laura, 2003; Perry & William, 1998; Williams & Krane, 1998). Ini menunjukkan hubungan antara kemahiran dan keyakinan diri adalah positif, dimana semakin tinggi kemahiran atlet maka semakin tinggi keyakinan diri. Dengan kata lain apabila seseorang atlet menguasai kemahiran maka semakin tinggilah keyakinan diri yang dimilikinya.

Pencapaian Sukan

Terdapat perbezaan yang bererti pada aras keertian 0.01 ($k < 0.01$) dalam pencapaian antara kumpulan-kumpulan kategori tahap keyakinan diri yang berbeza terhadap atlet bumiputera. Dapatan kajian menunjukkan atlet bumiputera yang memiliki tahap pencapaian yang tertinggi menunjukkan keyakinan diri yang tertinggi juga jika dibandingkan dengan atlet yang memiliki tahap pencapaian yang sederhana atau rendah. Atlet bumiputera yang memiliki pencapaian yang tinggi menunjukkan

tahap keyakinan diri tertinggi (27.8085), manakala atlet bumiputera yang memiliki pencapaian yang rendah menunjukkan tahap keyakinan diri yang terendah (22.7826). Pencapaian terbaik atlet adalah semasa keyakinan diri yang tinggi manakala pencapaian rendah semasa keyakinan dirinya rendah. Dapatan kajian ini disokong banyak kajian yang memperlihatkan tahap pencapaian yang tinggi dikalangan atlet yang mempunyai keyakinan tinggi. Antara kajian tersebut adalah kajian Aufenanger (2005), Cashmore (2002), Hanton dan Connaughton (2002), Hanton, Mellalieu dan Young (2002), Jones dan Hanton (2001), Perry dan Williams (1998), Hanton dan Jones (1997), Edwards dan Hardy (1996), Wiggins dan Brustad (1996), Jones dan Swain (1995), Krane dan Williams (1994) dan Martens et al. (1990). Dapatan kajian juga menyokong kenyataan Cox, Qiu dan Liu (1993) bahawa peranan utama tahap keyakinan diri terhadap pencapaian. Atlet yang mempunyai keyakinan diri yang rendah mudah untuk melakukan kesalahan sehingga menjatuhkan pencapaian.

Kajian ini menunjukkan hubungan antara pencapaian dan keyakinan diri adalah positif, dimana semakin tinggi tahap pencapaian maka semakin tinggi pula tahap keyakinan diri seseorang atlet. Ia disokong oleh kajian Martens et al. (1990), Jones dan Cale (1989), dan Burton (1988), bahawa hubungan keyakinan diri dan pencapaian adalah positif. Selain itu, kajian eksperimen yang telah dijalankan oleh Nicholls, Polman dan Levy (2010) menunjukkan atlet yang menggunakan keyakinan diri, telah mendapati pencapaian meningkat.

6. KESIMPULAN

Kajian ini telah memberi pengetahuan tentang hubungan keyakinan diri dengan kategori kemahiran sukan dan tahap pencapaian. Semakin tinggi kemahiran dalam sukan maka semakin tinggi pula pencapaian atlet. Keyakinan diri memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan pencapaian.

Kajian ini bermanfaat bagi jurulatih, kaunselor sukan dan psikologi sukan, untuk membuat program-program yang berkaitan dengan peningkatan keyakinan diri bagi atlet bumiputera yang mengalami tahap keyakinan diri yang rendah supaya boleh memperbaiki pencapaian dalam sukan.

RUJUKAN:

Aufenanger, S. J. 2005. *Relationships between mental skills and competitive anxiety interpretation in open skill and close skill athletes*. Tesis Master Miami University, Oxford, Ohio.

Brown, B. 2005. Qualities of great athlete: National Association of intercollegiate athletics. *TMCH Great Athletes*. (<http://www.scribd.com/doc/2249748/QUALITIES-OF-A-GREAT-ATHLETE->).

Burton, D. 1988. Do anxious swimmers swim slower? Reexamining the elusive anxiety-performance relationship. *Journal of Sport and Exercise Psychology*, 10: 45-61.

Cashmore, E. 2002. *Sport Psychology*. London: Routledge.

Claudio & Laura 2003. Intensity, idiosyncratic content and functional impact of performance-related emotions in athletes. *Journal of Sports Sciences*, 21 (3): 171-189.

Edwards, T. & Hardy, L. 1996. The interactive effects of intensity and direction of cognitive and somatic anxiety and self-confidence upon performance. *Journal of Sport and Exercise Psychology*, 18: 296-312.

Haberl, P. 2007. The Psychology of Being an Olympic Favorite. Athlete Insight: *On line Journal of Sport Psychology*. (<http://www.athleticinsight.com/Vol9Iss4/Favorite.htm>).

- Hanton, S. & Connaughton, D. 2002. Perceived control of anxiety and its relationship to self-confidence and performance. *Research Quarterly for Exercise and Sport*, 73: 87-97.
- Hanton, S. & Jones, G. 1997. Antecedents of intensity and direction dimensions of competitive anxiety as a function of skill. *Psychological Reports*, 81: 1139-1147.
- Hanton, S., Mellalieu S.D. & Young, S.G. 2002. A qualitative investigation of the temporal pattern of the precompetitive anxiety response. *Journal of Sport Sciences*, 20: 911-928.
- Hanton, S., O'Brien, M. & Mellalieu, S.D. 2003. Individual Differences, Perceived Control and Competitive Trait Anxiety. *Journal of Sport Behavior*, 26: 39-55.
- Jones, G. & Cale, A. 1989. Precompetition temporal patterning of anxiety and self-confidence in males and females. *Journal Sport Behavior*, 12: 183-195.
- Jones, G. & Hanton, S. 2001. Precompetitive feelings states and directional anxiety interpretations. *Journal of Sports Sciences*, 19: 385-395.
- Jones, G. & Swain, A. 1995. Predispositions to experience debilitating and facilitative anxiety in elite and nonelite performers. *The Sport Psychologist*, 9: 201-211.
- Krane, V., & Williams, J. 1994. Cognitive anxiety, somatic anxiety, and confidence in track and field athletics: The impact of gender, competitive level and task characteristics. *International Journal of Sport Psychology*, 25: 203-217.
- Martens, R., Vealey, R.S., & Burton, D. 1990. *Competitive Anxiety in Sport*. Champaign, Illinois: Human Kinetics.
- Nicholls, A.R., Polman, R. & Levy, A.R. 2010. Coping self-efficacy, pre-competitive anxiety, and subjective performance among athletes. *European Journal of Sport Science*, 10(2): 97 – 102.
- Perry J.D. & Williams, J.M. 1998. Relationship of intensity and direction of competitive trait anxiety to skill level and gender in tennis. *The Sport Psychologist*, 12: 169-179.
- Weinberg, R.S. & Gould, D., 2010. *Foundations of Sport and Exercise Psychology*. Champaign, IL: Human Kinetics.
- Wiggins, M.S. & Brustad, R.J. 1996. Perception of anxiety and expectations of performance. *Perceptual and Motor Skills*, 83: 1071-1074.
- Williams, J.M. & Krane, V. 1998. Psychological characteristics of peak performance. Dalam J.M. Williams (Ed.), *Applied sport psychology: personal growth to peak performance*, hlm. 158-170. Palo Alto, CA: Mayfield.
- Yahaya, M., Vincent, P. & Ampofo-Boateng, K. 2011. *Memahami Psikologi Sukan* (Dalam proses penerbitan).



اِنْسْتِيْتُوْتُ فَيْكِيْرِن دَان كَيْمِپِيْن مَلَايُو
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



اِنْسْتِيْتُوْتُ فَيْكِيْرِن دَان كَيْمِپِيْن مَلَايُو
IMPAK
Institut Pemikiran & Kepimpinan Melayu

**Institut Pemikiran dan Kepimpinan Melayu
Universiti Teknologi MARA**

Aras 3, Blok 11, Intekma Resort & Convention Centre, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

No. Telefon: 03-5522 5515 / 5448 No. Faks: 03-5522 5489

E-mail: impakuitm@salam.uitm.edu.my
Web: <http://impak.uitm.edu.my/v1/>

ISSN 2289-5744



9 772289 574008